NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DI-TERBITKAN DENGAN KUASA

## *GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 26
No. 24

**29hb November, 1973**

*TAMBAHAN No. 13*
*PERUNDANGAN*

**Sl. P.U. 16.**

ENAKMEN PERKUBURAN
(N.M.B. Bab 189)

KAEDAH-KAEDAH (TANAH PERKUBURAN HINDU) PETALING JAYA, 1973

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 9 Enakmen Perkuburan, Raja dalam Majlis Mesyuarat adalah dengan ini membuat Kaedah-kaedah seperti berikut: *N.M.B. Bab 189.*

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-kaedah (Tanah Perkuburan Hindu) Petaling Jaya, 1973.** Nama.

(2) Kaedah-kaedah ini hendaklah dikenakan kepada tanah-tanah perkuburan awam di dalam kawasan Lembaga yang digunakan untuk mengkebumikan jenazah-jenazah orang yang berugama Hindu. Pemakaian.

2. Dalam Kaedah-kaedah ini melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran

"Lembaga" ertinya Lembaga Bandaran Petaling Jaya yang dilantik di bawah Enakmen Lembaga-lembaga Bandaran. *N.M.B. Bab 137.*

"tanah perkuburan awam" ertinya tanah pengkebumian atau pembakaran yang dianggap sebagai tanah perkuburan awam di bawah seksyen 4 Enakmen Perkuburan yang dikenakan Kaedah-kaedah ini. *N.M.B. Bab 189.*

3. Semua tanah-tanah perkuburan hendaklah diuruskan dan dijaga oleh Lembaga. Pengurusan dan penjagaan tanah-tanah perkuburan.

4. Tiap-tiap kawasan tanah perkuburan awam hendaklah dilengkongi oleh tembuk atau pagar-pagar yang tingginya lima (5) kaki. Tanah perkuburan awam dipagar.

5. Lembaga hendaklah menjaga sesuatu tanah perkuburan awam, bangunan dan pagar-pagarnya di dalam keadaan yang baik dengan wang yang akan diterima menurut kuasa Kaedah-kaedah ini. Tanah perkuburan awam dijaga di dalam keadaan yang baik.

Pelan tanah-tanah perkuburan awam.

6. Tiap-tiap tanah perkuburan awam hendaklah dibahagikan supaya menjadi bidang-bidang yang masing-masing mempunyai ukuran 10 kaki panjang dan 5 kaki lebar, sebagaimana yang ditunjukkan oleh Lembaga di dalam pelan yang akan disimpan di Pejabat Lembaga; dan bidang-bidang tersebut akan dikenali dengan nombor-nombor yang berturut-turut dan seperti yang ditanda di dalam pelan tersebut.

Kuburan.

7. Tidak lebih dari satu kubur untuk orang dewasa atau dua kubur untuk kanak-kanak di bawah umur 10 tahun akan digali di dalam mana-mana bidang; dan sesuatu kubur yang digali hendaklah tidak kurang daripada 6 kaki dalamnya.

Pengkebumian di kubur yang bersama.

8. Walau apa pun yang terkandung terdahulu daripada ini, Pengerusi, Lembaga boleh, di dalam perkara yang dianggap olehnya sesuai untuk menjaga kesihatan dan kesupanan awam dan setelah merujukannya kepada Pegawai Kesihatan Lembaga, membenarkan pengkebumian janazah-jenazah di dalam kubur-kubur yang bersama di mana-mana tanah perkuburan awam.

Penegakan tanda peringatan, batu nisan, papantanda, dll.

9. Lembaga berhak mengenakan pembatasan dan syarat-syarat yang dianggap sesuai dan secara lain mengatur penegakan dan perletakan tanda peringatan, batu nisan atau papan-papan tanda di sesuatu tanah perkuburan awam; dan tiada tanda peringatan, batu nisan atau papan-papan tanda semacam itu boleh ditegakkan atau diletakkan di sesuatu tanah perkuburan awam tanpa kebenaran daripada Lembaga.

Kuasa untuk memindahkan tanda-tanda yang ditegakkan tanpa kebenaran.

10. Lembaga boleh menurunkan atau memindahkan apa-apa tanda peringatan, batu nisan atau papan-papan tanda yang ditegakkan atau diletakkan di dalam kawasan tanah perkuburan awam tanpa kebenarannya.

Pendaftaran pengkebumian.

11. (1) Semua pengkebumian di tanah perkuburan awam hendaklah didaftarkan di dalam buku pendaftaran yang disimpan untuk maksud tersebut oleh Pengerusi Lembaga.

(2) Pendaftaran yang dinyatakan di dalam perenggan (1) hendaklah mengandungi butir-butir mengenai nama, umur, jantina, alamat terakhir si mati, sebab-sebab kematian dan tarikh pengkebumian tiap-tiap orang yang dikebumikan di tanah perkuburan awam dan nombor bidang di mana jenazahnya dikebumikan.

Kuasa melantik pengorek-pengorek kubur dll.

12. Lembaga boleh melantik pengorek-pengorek kubur dan lain-lain orang gaji untuk menjaga dan kegunaan tanah perkuburan awam dan boleh membayar mereka gaji dan elaun yang difikirkan sesuai daripada wang yang akan diterima menurut kuasa Kaedah ini, dan boleh memberhentikan mereka atau seseorang daripada mereka pada bila-bila masa.

Penghantaran jenazah ke tanah perkuburan.

13. Lembaga boleh dari masa kesemasa membuat urusan yang difikirkannya sesuai, untuk memudahkan penghantaran jenazah-jenazah dari tempat meninggal ke tanah perkuburan awam.

Bayaran.

14. (1) Berikut adalah bayaran-bayaran yang dikenakan dan yang perlu dikutip oleh Lembaga—

| | |
|---|---|
| (a) bagi tiap-tiap pengkebumian (termasuk harga menggali dan menimbus kubur) ... ... ... ... ... | $10.00 |
| (b) bagi kegunaan kereta jenazah (bagi 12 batu pertama) | 15.00 |
| (bagi tiap-tiap 1 batu yang berikut) ... ... ... | 1.00 |

(c) untuk kebenaran menegak atau meletakkan tanda peringatan, batu nisan, papan-papan tanda atau tanda-tanda kekal yang lain ... ... ... ... ... $5.00

(d) untuk menempah satu atau lebih bidang berhampiran untuk pengkebumian seseorang atau ahli keluarganya, bagi tiap-tiap bidang ... ... ... ... ... 25.00

(2) Pengerusi Lembaga boleh, di atas sijil perakuan daripada pegawai ugama yang dipeluk oleh si mati yang menerangkan bahawa si mati tidak mempunyai harta atau saudara mara atau kemungkinan menjelaskan bayaran-bayaran tersebut, mengembalikan kesemua atau sebahagian daripada bayaran berkenaan.

Diperbuat pada 1hb Julai, 1973.
[LBPJ/P/64/70 Jld. 1.]

SHAHARUDIN BIN ISHAK,
*Pengerusi,*
*Lembaga Bandaran Petaling Jaya*

## BURIALS ENACTMENT

(F.M.S. Cap 189)

## PETALING JAYA (HINDU CEMETERY) RULES, 1973

IN exercise of the powers conferred by section 9 of the Burials Enactment the Ruler-in-Council hereby makes the following rules: *F.M.S. Cap. 189.*

1. (1) These Rules may be cited as the **Petaling Jaya (Hindu Burial Grounds) Rules, 1973.** Citation.

(2) These Rules shall apply to public burial grounds within the area of the Board used for the burial of bodies of the people professing the Hindu religion. Application.

2. In these Rules, unless the context otherwise requires— Interpretation.

"Board" means the Petaling Jaya Town Board appointed under Town Boards Enactment; *F.M.S. Cap. 137.*

"public burial ground" means the burial or burning ground deemed to be a public burial ground under section 4 or the Burials Enactment, and to which these Rules apply. *F.M.S. Cap. 189.*

3. All public burial grounds shall be managed and be in the charge of the Board. Management and the charge of burial grounds.

4. Every part of a public burial ground shall be enclosed by walls or other sufficient fences of the height of five (5) feet. Public burial grounds to be fenced.

5. The Board shall keep a public burial ground and the building and fences thereof in complete repair and in good order and condition, out of the moneys to be received by it by virtue of these Rules. Public burial grounds be kept in repair.

6. Every public burial ground shall be divided into such number of plots, each comprising a measurement of 10 ft. in length and 5 ft. in width, as the Board shall indicate in a plan to be kept at the office of the Board; and the said plots shall be distinguished by numbers in consecutive order and as marked on the plan aforesaid. Plan of public burial ground.

7. Not more than one grave for an adult and not more than two graves for children under the age of 10 years shall be dug in any plot; and a grave so dug shall be not less than 6 ft. in depth. Graves.

Burials in common grave.

8. Notwithstanding anything herein before contained the Chairman of the Board may in any case deemed by him proper for the protection of the public health and for the maintenance of public decency and after reference to the Health Officer of the Board authorise the burial of bodies in common graves in any public ground.

The erection of monument, grave-stone, tablet, etc.

9. The Board shall have power to impose such restrictions and conditions as they think proper and otherwise to regulate the erecting and placing of a monument, grave-stone, tablet or monumental inscription in a public burial ground; and no such monument, grave-stone, tablet or monumental inscription shall be erected or placed in a public burial ground without the authority of the Board.

Power to remove monument erected without authority.

10. The Board may take down or remove any monument, grave-stone, tablet or monumental inscription which shall have been erected or placed within a public burial ground without its authority.

Register of burials.

11. (1) All burials in a public burial ground shall be registered in a register book to be kept for that purpose by the Chairman of the Board.

(2) The register mentioned in paragraph (1) shall contain particulars relating to the name, age, sex, the last place of residence, the cause of death and the date of burial of each person buried in the public burial ground and the number of the plot in which such person is buried.

Power to appoint grave diggers, etc.

12. The Board may appoint grave diggers and other servants necessary for the care and use of a public burial ground and may pay them such wages and allowance as it thinks fit out of the moneys to be received by virtue of these Rules, and may remove them or any of them at its pleasure.

Conveyance of bodies to burial ground.

13. The Board may make such arrangements as it may from time to time think fit for facilitating the conveyance of the bodies of the dead from the place of death to a public burial ground.

Fees.

14. (1) The following fees shall be payable to and collected by the Board—

| | |
|---|---|
| (*a*) for each interment (to include the cost of opening and filling up of grave) ... ... ... ... ... | $10.00 |
| (*b*) for use of motor hearse (for the first 12 miles) ... | 15.00 |
| (and for every subsequent mile) ... ... ... | 1.00 |
| (*c*) for permission to erect or place monument, grave-stone, tablet or monumental inscription or other memorial of a permanent nature ... ... ... ... ... | 5.00 |
| (*d*) for setting apart one or more contiguous plots for the burial of any person or of any member of this family for each plot ... ... ... ... ... ... | 25.00 |

(2) The Chairman of the Board may, on a certificate by a minister of the religion of a deceased person that the said deceased has left no estate, or relatives or sufficient means to pay the aforesaid fees, remit the whole or any part of such fees.

Made this 1st day of July, 1973.
[LBPJ/P/64/70 Jld. 1.]

SHAHARUDIN BIN ISHAK,
*Chairman,*
*Petaling Jaya Town Board*

DICETAK OLEH MOHD. DAUD BIN ABDUL RAHMAN, KETUA PENGARAH PERCETAKAN, MALAYSIA BARAT, KUALA LUMPUR